

08/12/2001

PM nasihat media tidak sensasikan berita

KUALA LUMPUR, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini, menasihatkan media supaya membuat laporan tepat dan tidak mensensasikannya sehingga membangkitkan perasaan marah rakyat.

Perdana Menteri berkata, antaranya isu kenaikan harga minyak, tol dan kes orang yang disyaki terbabit dalam skandal tertentu yang dibawa ke mahkamah dengan diberi gambaran seolah-olah orang itu bersalah.

"Kita hampa dengan cara liputan media ini seperti terhadap kenaikan harga minyak, tol dan lain-lain yang lebih bercorak untuk membangkitkan perasaan rakyat.

"Ada juga kes tertentu yang kita belum tentukan lagi salah atau tidak salah seseorang, tetapi dilapor seolah-olah orang itu sudah menjadi penjenayah.

"Ini tidaklah adil kepada orang yang berkenaannya kerana ia memalukan orang itu," katanya.

Kenyataan beliau itu merujuk kepada laporan media mengenai kes tiga pegawai kanan kerajaan dan seorang bekas ketua setiausaha kementerian yang ditahan reman semalam oleh Mahkamah Majistret bagi membantu siasatan kes penyelewengan wang program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT).

Selain itu, beliau juga merujuk kepada laporan akhbar mengenai kenaikan kadar tol di Lebuhraya Utara-Selatan (Plus) yang dinaikkan 10 peratus atau 1.12 sen bagi setiap kilometer berkuat kuasa 1 Januari depan, yang turut menyiarkan bantahan orang ramai.

Bercakap pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno di sini petang ini, Dr Mahathir berkata, ada akhbar melaporkan konon wakil ahli Dewan Negara meminta dinaikkan elaun tiga kali ganda daripada sekarang.

"Yang diminta bukan elaun bagi dirinya tetapi peruntukan untuk dibelanjakan bagi orang ramai yang diletak di bawah peruntukan senator. Mereka tidak minta elaun dinaikkan.

"Saya harap pihak media akan membuat laporan yang tepat dan tidak mensensasikan laporan ini," katanya.

(END)